

29 MAR 2002

Mahathir-Sekolah

DR MAHATHIR MINTA HENTI PERBESARKAN ISU PENGASINGAN PELAJAR DI SEKOLAH

SHAH ALAM, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta supaya isu pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah tidak diperbesar-besarkan lagi.

Perdana Menteri juga menasihatkan pihak yang mahu menyaman Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) supaya menarik balik hasrat mereka itu.

"Saya ingat benda itu (isu NUTP) tak payah diperbesarkan. Manusia, kadang-kadang dia silap," katanya pada sidang berita selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional Selangor di sini.

"Kita kena ambil kira, kalau dia minta maaf cukuplah, buat apa nak berperang," kata beliau.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai dua guru besar yang bercadang memfailkan saman malu RM1 juta terhadap NUTP dan setiausaha agungnya Datuk N Siva Subramaniam.

Perdana Menteri menganggap tindakan itu adalah usaha untuk mendapatkan wang dan tak patut diteruskan.

Dr Mahathir berkata beliau berpendapat NUTP tidak melakukan kesilapan besar apabila mendakwa terdapat pengasingan pelajar mengikut kaum di 210 sekolah di negara ini.

"Yang lebih bersalah ialah orang yang menentang usaha merapatkan murid-murid yang berlainan kaum," katanya.

Beliau berkata apa yang didakwa oleh Siva Subramaniam hanyalah tiada integrasi kaum di beberapa sekolah dan "sebenarnya dia silap".

Katanya beliau tidak nampak imej atau reputasi mana-mana pihak terjejas akibat dakwaan itu.

Dr Mahathir juga diminta mengulas mengenai permintaan penyanyi terkenal Siti Nurhaliza agar Perdana Menteri sendiri campur tangan dalam menangani isu cetak rompak.

Katanya kerajaan telah melakukan pelbagai langkah termasuk menambah bilangan anggota penguatkuasa, meningkatkan serbuan, mengharamkan jualan cakera padat (CD) tiruan dan merampas CD tiruan bernilai jutaan ringgit.

Beliau berkata kerajaan sedar tentang masalah artis tetapi usaha mengatasinya bukanlah mudah kerana masih terdapat pihak yang meneruskan perniagaan CD cetak rompak itu.

Antara perkara yang membantutkan usaha itu ialah kemungkinan terdapat kelemahan daripada segi penguatkuasaan dan jurang harga yang keterlaluan antara CD asli dan tiruan, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata penurunan harga CD asli tidak mudah dilaksanakan kerana syarikat rakaman perlu mendapatkan semula modal manakala pembuat CD rompak pula "tidak payah bayar apa pun."

-- BERNAMA

MAD MAI